

29 MAY 1996

Mahathir-Thailand

KL DAN BANGKOK BOLEH BERBUAT BANYAK DALAM MENINGKATKAN PELABURAN TERUS

KUALA LUMPUR, 29 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini berkata, Malaysia dan Thailand boleh berbuat banyak lagi untuk meningkatkan pelaburan terus yang kini tidak begitu memberangsangkan.

Beliau berkata, walaupun perdagangan dua hala berkembang pesat, pelaburan terus Thailand di Malaysia tahun lepas hanya berjumlah RM552 juta (5,400 juta Baht).

Dr Mahathir berkata, daripada jumlah itu kebanyakannya ialah dalam produk getah, pengilangan makanan dan produk tekstil yang membabitkan lebih 85 peratus daripada jumlah pelaburan Thailand di Malaysia.

Seperti itu juga, kata beliau, pelaburan Malaysia di Thailand tidak begitu memberangsangkan.

"Saya percaya lebih banyak lagi yang boleh dilakukan untuk memperbaiki keadaan ini," kata beliau di majlis makan malam di Sri Perdana sempena menyambut kedatangan Perdana Menteri Thailand Banharn Silpa-Archa kerana lawatan rasmi dua hari ke Malaysia.

Beliau berharap, ahli-ahli perniagaan yang mengiringi Banharn akan meneroka peluang-peluang pelaburan dan usahasama baru sama ada dalam pasaran tempatan ataupun negara-negara ketiga, khasnya dalam sektor pembuatan, pengangkutan, kemudahan awam dan sektor komunikasi.

Dr Mahathir berkata, beliau gembira melihat syarikat-syarikat Thai dan Malaysia bersama-sama rakan mereka di Indonesia membincangkan idea "Jambatan Darat" yang akan mengatasi kesesakan di Selat Melaka.

Ini juga akan mewujudkan kawasan pertumbuhan baru di selatan Thailand dan utara Semenanjung Malaysia serta Sumatra Utara, kata beliau.

"Kelebihan pada negara-negara kita adalah jelas dan saya yakin yang kerajaan kita akan memberikan sokongan yang diperlukan, kata beliau lagi.

Perdana Menteri berkata, satu lagi pencapaian penting ialah mewujudkan pihak berkuasa pembangunan bersama untuk sama-sama meneroka dan berkongsi sumber-sumber di kawasan pelantar benua yang bertindih.

"Tidak lama lagi kita akan menikmati hasil wawasan pemimpin-pemimpin dahulu," kata beliau.

Dr Mahathir memberitahu Banharn yang Malaysia menyambut baik inisiatif Bangkok untuk mengadakan hubungan darat antara Thailand dengan negara-negara Indo-China yang akan membawa bersama rantau ini dan juga membolehkan Malaysia mendapat laluan ke negara-negara itu.

"Saya melihat motivasi lebih kurang sama apabila Thailand bersetuju dengan Malaysia untuk menggalakkan idea segitiga pertumbuhan yang membabitkan barat laut semenanjung, Selatan Thailand dan utara Sumatera (IMT-GT)," kata beliau.

"Idea meneroka kelebihan bandingan masing-masing untuk membangunkan kawasan pertumbuhan bersama bukan sahaja logik daripada segi ekonomi tetapi juga adalah baik daripada segi politik," kata beliau.

Dr Mahathir berkata, dengan menggalakkan sektor swasta mendahului pembangunan IMT-GT, ketiga-tiga negara telah memulakan kerjasama sebenar antara sektor swasta masing-masing untuk menyediakan mereka menghadapi perkara-perkara yang lebih besar apabila Kawasan Perdagangan Bebas Asean menjadi kenyataan".

Perdana Menteri juga yakin yang saling persefahaman dan kepercayaan antara Malaysia dan Thailand telah menyumbang dengan ketara kepada keamanan dan kerjasama di rantau ini.

Asean kini telah menjadi forum yang berupaya mengekalkan keakraban daripada segi politik, keselamatan, ekonomi dan kerjasama berfungsi, katanya.

Mengenai Perunding Ekonomi Asia Timur (EAEC), Dr Mahathir berkata beliau berterima kasih kepada kerajaan Thailand kerana yang paling awal untuk melihat dan menyokong logik EAEC, yang merupakan antara agenda Asean.

Beliau berkata EAEC, sebuah forum yang tidak ditujukan kepada sesiapa akan menyediakan peluang kepada ekonomi-ekonomi yang berkembang di Asia Timur untuk membincangkan hal-hal ekonomi dan kepentingan bersama. "Asia Timur yang boleh membangun dengan teratur dengan gangguan yang paling minima pasti baik bagi semua," kata beliau lagi. -- BERNAMA

ES PR